

SOALAN LAZIM (FAQ)

INISIATIF PEMBERIAN GERAN KOMPUTER STAF USM

Pengenalan

Inisiatif Pemberian Geran Komputer Staf USM merupakan kaedah penggantian kepada pemberian komputer secara fizikal. Ia akan dilaksanakan mulai tahun 2024 secara berperingkat mengikut giliran berdasarkan jumlah peruntukan yang diperolehi pada tahun berkenaan. Proses pembayaran kepada semua staf yang terlibat dijangka akan dapat diselesaikan dalam tempoh lima tahun. Jenis komputer yang dibenarkan dibeli hanyalah komputer riba (*laptop*) sahaja.

1. Siapakah pegawai yang layak mendapat kemudahan ini?

1.1 Staf Akademik

- Berstatus tetap dan kontrak
- Warganegara dan bukan warganegara

1.2 Staf Pentadbiran

- Berstatus tetap dan telah disahkan jawatan

2. Siapakah pegawai yang diberikan keutamaan/kriteria kemudahan ini?

2.1 Mempunyai tempoh baki perkhidmatan sekurang-kurangnya lima tahun.

2.2 Tidak pernah memiliki komputer ATAU memiliki komputer yang usang/lama (contoh usia komputer melebihi 11 tahun berdasarkan rekod PPKT)

2.3 Bebas tindakan tatatertib

2.4 Berstatus aktif

- Tidak mengambil cuti sabatikal
- Tidak mengambil cuti tanpa gaji melebihi tiga bulan
- Tidak mengambil cuti belajar
- Tidak berkhidmat di agensi luar

3. Bagaimana saya mahu memohon kemudahan ini?

Staf tidak perlu memohon kemudahan ini sebaliknya staf akan dipilih secara automatik berdasarkan kuota mengikut kampus yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Geran Komputer Universiti.

4. Bagaimana saya tahu bahawa saya telah ditawarkan kemudahan ini?

Staf yang ditawarkan kemudahan ini akan mendapat notifikasi emel daripada Pentadbir Geran Komputer USM. Staf dikehendaki membuat pilihan sama ada ingin **menerima** atau **menolak** tawaran dalam tempoh dua minggu daripada tarikh emel tersebut.

5. Adakah staf dibenarkan mempunyai komputer gunasama/pejabat sekiranya menerima kemudahan Geran Komputer ini?

Komputer riba atau PC sedia ada milik Universiti hendaklah dipulangkan kepada pihak PPKT atau PTJ (pihak yang membekalkan komputer tersebut) di kampus bertugas masing-masing dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh penerimaan peruntukan geran atau komputer riba melalui inisiatif geran ini.

6. Adakah saya perlu menyerahkan resit sebagai bukti selepas pembelian komputer?

Resit tidak perlu diserahkan.

Komputer hendaklah dibeli bagi keperluan pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran. Pemeriksaan fizikal mungkin boleh dilaksanakan pada bila-bila masa oleh pihak audit luar mahupun audit dalam.

7. Siapakah yang boleh dihubungi berkaitan permasalahan perkara seperti proses bayaran, pemulangan komputer dan perkakasan perisian komputer?

Sila rujuk hebahan berkaitan Inisiatif Pemberian Geran Komputer yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.